
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HGM 131 – GEOGRAFI MANUSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab Soalan 1 yang diwajibkan dan TIGA soalan lain. Sekurang-kurangnya SATU soalan mesti dijawab daripada setiap Bahagian B dan C.

Bahagian A

1. SAMA ADA

- [a] Pengintegrasian data ruang dan atribut adalah salah satu kemampuan utama GIS. Merujuk kepada sub bidang dalam kajian geografi manusia huraikan kepentingan GIS dalam pengurusan kedua-dua jenis data tersebut.

[25 markah]

ATAU

- [b] Menggunakan contoh-contoh yang relevan, huraikan faktor-faktor yang memberi kekangan kepada aplikasi dan pelaksanaan GIS dalam kajian geografi manusia di Malaysia.

[25 markah]

Bahagian B

2. [a] Geografi adalah pusat pengalaman manusia. Huraikan dengan contoh-contoh.

[10 markah]

- [b] Sebagai satu subjek bersifat multi-disiplin, geografi manusia memasukkan perspektif ruangan kepada persoalan-persoalan yang dibawa oleh bidang-bidang lain. Jelaskan.

[15 markah]

3. Merujuk kepada contoh-contoh idea atau inovasi tertentu, bincangkan cara dan proses idea atau inovasi tersebut terbaaur dari satu pusat budaya ke tempat lain di dunia ini.

[25 markah]

4. Globalisasi ekonomi membawa bersama budaya global yang mengancam keunikan budaya tempatan. Merujuk contoh-contoh tertentu bincangkan kesan terhadap pandang darat dan reaksi penduduk tempatan terhadap budaya global tersebut.

[25 markah]

Bahagian C

5. [a] Takrifkan kawasan bandar. [5 markah]
- [b] Jelaskan beserta contoh LIMA [5] masalah persekitaran manusia yang timbul akibat daripada proses perbandaran. [20 markah]
6. [a] Lakarkan model '**Time-Space Convergence**' yang diutarakan oleh Janelle (1969). [10 markah]
- [b] Jelaskan proses-proses yang terkandung dalam model tersebut dan implikasinya terhadap pembangunan dalam ruang. [15 markah]
7. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai jelaskan bagaimana kerakusan tindakan dan aktiviti manusia boleh memberi kesan terhadap alam sekitar. [25 markah]